

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1975

MENDIRIKAN BANGUNAN 100 KAKI DARIPADA GARISAN TENGAH KEDUA-DUA BELAH JALAN DALAM KAWASAN YANG DIKAWAL

Menurut kuasa-kuasa yang telah diberi oleh Sek. 3(ii)(b) Enakmen Perbadanan, 1938 (No. 20 Tahun 1938), Raja diberi kuasa untuk mengistiharkan mana-mana kawasan yang menjadi 'Kawasan Yang Dikawal - Controlled Area' dan bolehlah mengenakan mana-mana peruntukan dalam Enakmen itu dan juga kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya keatas mana-mana kawasan yang distiharkan itu.

2. Melalui Warta Kerajaan Kelantan Bil. 112/48, 70/50, 28/51, 119/52, 593/54, 321/67 dan 616/73 kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam warta-warta itu dan terletak sejauh 100 kaki daripada garisan tengah kedua-dua belah jalan yang telah diisytiharkan sebagai 'Kawasan Yang dikawal' dan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Sek.46, 47, dan 49 Enakmen Perbandaran 1938. Salinan Warta-warta Kerajaan yang berkenaan dilampirkan bersama-sama ini.

3. Mengikut seksyen-seksyen 46, 47 dan 48 Enakmen Perbandaran, 1938 dan kaedah 23 Kaedah-kaedah Perbandaran, 1938, Pegawai Jajahan/Yang Di Pertua (Yang Di Pertua Lembaga Bandaran) sahaja boleh mengambil apa-apa tindakan atau memberi kelulusan mengenai pembinaan bangunan di dalam kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai 'Kawasan Yang Dikawal' dalam kawasan 100 kaki daripada garisan tengah kedua-dua belah jalan. Ini jelas bahawa Pemungut Hasil Tanah yang dilantik di bawah Seksyen 12 K.T.N, tidak berkuasa bertindak atau memberi apa-apa kebenaran mengenai pembinaan bangunan yang

dikehendaki di bawah Enakmen Perbandaran, 1938 atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah dalam kawasan itu melainkan ia dilantik untuk menjalankan kuasa-kuasa Pegawai Jajahan di bawah Sek.3(i)(b) Enakmen Perbandaran, 1938.

4. Pemungut Hasil Tanah yang telah memberi kebenaran untuk mendirikan bangunan dalam Kawasan Yang Dikawal yang letaknya 100 kaki daripada garisan tengah kedua-dua belah jalan adalah dengan ini dinasihatkan supaya merujuk serta berunding dengan Pegawai Jajahan yang berkenaan untuk mendapat arahannya kerana masalah ini adalah dalam bidang kuasa Pegawai Jajahan di bawah Enakmen Perbandaran, 1938. Namun begitu Pemungut Hasil Tanah boleh bertindak menurut kuasa yang diberikan oleh K.T.N jika pembinaan bangunan itu melanggar syarat-syarat kegunaan tanah atau syarat khas yang tercatit di atas surat hakmilik tanah yang berkenaan.

t.t
(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 13HB. SEPTEMBER, 1976

PTG.Kn.Bil. (4) 60/75

KEPADA: Semua Pegawai-Pegawai Jajahan
Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah

**ENAKMEN PERBANDARAN, 1938
(No. 20 Tahun 1938)**

PENGISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3(ii)(b)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 3(ii)(b) Enakmen Perbandaran, 1938, Raja dengan ini mengisyitiharkan bahawa kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini menjadi kawasan-kawasan kawalan dan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen 46,47,48 daripada Enakmen tersebut dan Kaedah 23 daripada Kaedah-kaedah Perbandaran, 1938 hendaklah dikenakan bagi kawasan-kawasan itu tertakluk kepada peninggalan perkataan-perkataan ‘or Board’ dan ‘the Board or’ yang terdapat di dalam masing-masing seksyen dalam Enakmen itu.

**MUNIPAL ENACTMENT, 1938
(No.20 of 1938)
DECLARATION UNDER SECTION 3(ii)(b)**

In exercise of the powers conferred by section 3(ii)(B) of the Municipal Enactment, 1938, the Ruler hereby declares that the areas specified Schedule hereunder to be controlled areas dan that the provisions of sections 46, 47, and 48 of the said Enactment and Rule 23 of Municipal Rules, 1938 shall apply thereto subject to the omission of the words ‘or Board’ and ‘the Board or’ wherever they appear in the respective sections of the Enactment.

**JADUAL
(SCHEDULE)**

Semua kawasan-kawasan di dalam Negeri Kelantan yang tidak termasuk dalam kawasan yang diisyiharkan terletak sejauh seratus kaki daripada garisan tengah kedua-dua belah jalan di sepanjang jalan raya di bawah ini:-

All those areas situated within the State of Kelantan and not comprised in a Notified Area which are within a distance of one hundred feet from the centre line of either side and throughout the entire length of the under mentioned main roads:-

- 1) Jalan Kampung Sireh melalui Jalan Pintu Geng ke Kota.
- 2) Jalan Hospital ke Pulau Melaka.
- 3) Jalan Kota Bharu ke Pantai Cinta Berahi
- 4) Jalan Kubang Kerian melalui Beris Kubur Besar ke Bachok
- 5) Jalan Kubang Kerian melalui Kampung Demit, Kemumin ke Pantai Dasar
- 6) Jalan Kota Bharu melalui Jambatan Sultan Yahya Petra ke Tumpat
- 7) Dari Batu 3 Jalan Pasir Puteh ke Cabang Empat Kampung Cherang
- 8) Jalan Bayam ke Cabang Empat Bayam/Yaakobiah

Diperbuat pada 17hb Jun, 1973
(SUK. (KN) 600/72)

(Nik Ishak bin Datuk Nik Daud)
Setiausaha Majlis Mesyuarat
Kerajaan Kelantan

(KN. GN. 321 – 30hb. November, 1967)

**ENAKMEN PERBANDARAN, 1938
(Enakmen Kelantan Bil 20 Tahun 1938)**

PERISYTIHARAN DI BAWAH BAB 3 (ii)(b)

Dengan menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 3(ii)(b) daripada Enakmen Perbandaran , 1938, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan ini mengisyiharkan kawasan-kawasan yang ditentukan di dalam Jadual di bawah ini menjadi kawasan-kawasan kawalan dan dengan ini kawasan-kawasan yang berkenaan adalah mengikut peruntukan bab 46, 47 dan 48 daripada Enakmen tersebut (dengan syarat ditinggalkan perkataan-perkataan ‘atau Lembaga’ terdapat di mana-mana dalam Bab tersebut) dan peruntukan daripada Peraturan 23 daripada Peraturan yang dibuat bab 11 iaitu:

JADUAL

Semua kawasan-kawasan di dalam Negeri Kelantan yang tidak termasuk dalam kawasan tertentu sejauh 100 kaki daripada garisan tengah di kedua-dua belah dan sepanjang jalan raya sebagaimana di bawah ini:-

Bandar Pasir Mas	...	Pasir Pekan
Bandar Pasir Mas	...	Tanah Merah
Bandar Pasir Mas	...	Meranti
Bandar Pasir Mas	...	Rantau Panjang
Bandar Cabang Tiga Lemal	...	Kampung Taman, melalui Kampung Lati

Bertarikh pada 6hb Jun 1967
(SUK.(KN)253/H/47/101A)

(Nik Ishak bin Datuk Nik Daud)
Setiausaha Majlis Mesyuarat
Kerajaan Kelantan

K.G.N. 112/1948(2.9.1948)

In exercise of the powers conferred by Section 3(ii)(b) of the Municipal Enactment, 1938 His Highness the Ruler with the advice and consent of the State Executive Council hereby declares the areas specified in the Schedule here to be controlled areas and hereby applies to such areas the provisions of section 46, 47 and 48 of the said Enactment (subject to the omission of the words 'or Board' wherever they appear in the said sections) and the provisions of Rule 23 of the rules made under section 11 there of :-

SCHEDULE

All those area situated within the State of Kelantan and not comprised in a Notified Area which are within a distance of one hundred feet from the centre line on either side and throughout the entire length of the under-mentioned main roads:

Kota Bharu	-	Kuala Krai;	
Kota Bharu	-	Bukit Yong;	
Kota Bharu	-	Pasir Mas;	
Kota Bharu	-	Pengkalan Chepa	- See also K.G.N 593/54 for controlled area.
K.G.N. 73/50	Peringat (Palekbang)	-	Bachok Tumpat
K.G.N. 28/51	(Berangan via Repek (Tanah Merah (Pasir Puteh (Pasir Puteh	-	Tanah Merah Jeli Machang Cherang Ruku
K.G.N. 119/52	(Batu Tiga (Machang	-	Temangan Town Tepi Sungai Tanah Merah

(K. 253H/47)

